



DAING NASIR IBRAHIM (tiga dari kanan) dan Jan Peter Bredehoeft (empat dari kanan) ketika merasmikan Karnival Kerjaya University To Industry di UMP, Pahang baru-baru ini.

Utusan Malaysia (Akis Kampus), Isnin (25/6/18) m/s: 18

Karnival kerjaya UMP tawar 10,000 pekerjaan

PENGANJURAN Karnival Kerjaya *University To Industry* anjuran Pusat Pembangunan dan Penempatan Kerjaya (CPDC) **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** berjaya menawarkan lebih 10,000 peluang pekerjaan.

Naib Canselor UMP, **Prof. Datuk Sri Ts. Dr. Daing Nasir Ibrahim** berkata, karnival itu merupakan inisiatif universiti untuk menghubungkan mahasiswa dengan industri sama ada dalam mencari peluang pekerjaan mahupun mendapatkan penempatan bagi menjalani latihan industri.

Katanya, UMP merekodkan 94 peratus kebolehpasaran graduan pada 2017 yang merupakan antara yang tertinggi di Malaysia. Kejayaan ini dapat dicapai menerusi kerjasama pelbagai pihak terutama Jabatan Jaringan Industri dan Masyarakat (JJIM) dan CPDC.

“UMP menyedari keperluan untuk mendedahkan mahasiswa kepada realiti dan cabaran masa depan graduan, sehubungan itu pelbagai aktiviti yang dianjurkan sepanjang minggu karnival kerjaya ini diadakan agar mereka dapat berinteraksi terus dengan pihak industri di samping pihak

industri menyumbangkan idea untuk menghasilkan graduan yang menepati kehendak pasaran masa depan.

“Graduan yang professional mampu menempuh cabaran dalam menghadapi revolusi industri 4.0. Program ini juga selaras dengan Pelan Strategik UMP 2016-2020 dalam menghasilkan graduan berkualiti tinggi dan dapat memenuhi keperluan pasaran pekerjaan,” katanya ketika berucap pada majlis pelancaran Karnival Kerjaya *University To Industry* di UMP, Pahang, baru-baru ini.

Yang turut hadir, Pengarah Operasi BASF Petronas Chemicals Sdn. Bhd., Dr. Jan Peter Bredehoeft, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Prof. Datuk Dr. Yuserrie Zainuddin, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Datuk Dr. Mashitah Mohd Yusoff.

Sementara itu, Peter Bredehoeft berkata, kerjasama antara universiti dan industri adalah penting untuk pembangunan kemahiran terutama dalam bidang pendidikan.

“BASF Petronas turut

menawarkan peluang pekerjaan kepada graduan dan turut menerima untuk menjalani latihan industri dan mengharapakan kerjasama universiti-industri akan memberi manfaat kepada kedua-dua pihak,” katanya.

Bagi pelajar Fakulti Pengurusan Industri, Nur Azliena Mohd. Salim, 22, pula melahirkan perasaan gembira apabila berjaya mendapatkan syarikat untuk penempatan latihan industri tidak lama lagi.

“Saya mengharapakan program ini diteruskan dalam membantu graduan mendapatkan pekerjaan,” katanya.

Program selama dua hari itu melibatkan 40 syarikat yang menyediakan peluang pekerjaan bagi memenuhi keperluan tenaga kerja mahir dalam sektor masing-masing.

Antaranya industri atau syarikat yang terlibat seperti Bosch Malaysian Mercedes-Benz Malaysia Sdn. Bhd., Basf Petronas Chemical Sdn. Bhd.

Selain itu, Maxtrex Tyre Manufacturing Malaysia Sdn. Bhd., Sunway Properties, Hong Leong Manufacturing Group, Sunway Properties dan banyak lagi.